

**BULETIN PENGANJURAN WEBINAR:  
MENELUSURI JAWI PADA BATU BERSURAT TERENGGANU  
(MEMORY OF THE WORLD INTERNATIONAL REGISTER UNESCO)  
ANJURAN BAHAGIAN WARISAN TIDAK KETARA,  
JABATAN WARISAN NEGARA**

Pada 17 Ogos 2021, Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara telah menyempurnakan sesi khas Webinar yang bertajuk “**Menelusuri Jawi pada Batu Bersurat Terengganu** yang telah mendapat pengiktirafan sebagai *Memory of The World International Register* oleh *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO).

Sesi Webinar dan perkongsian ilmu ini melibatkan dua (2) orang barisan panel iaitu **YBrs. Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmat Adam** yang merupakan pakar dan tokoh akademik dalam bidang sejarah dan **Encik Mohd. Syahrin bin Abdullah** iaitu Pengarah Bahagian Warisan Dunia, Jabatan Warisan Negara. Sesi Webinar ini telah dikelolakan oleh moderator, **Encik Shukri bin Mohd Isa** yang merupakan Pengarah Jabatan Warisan Negara Zon Timur.

Webinar ini telah dimulakan dengan sesi pembentangan oleh YBrs. Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmat Adam tentang kajian yang telah dilaksanakan oleh beliau berkaitan Batu Bersurat Terengganu. Sesi perkongsian dan percambahan ilmu ini diteruskan lagi dengan soal jawab oleh kedua-dua panel untuk merungkaikan dan membincangkan tentang tulisan Jawi pada Batu Bersurat Terengganu serta langkah untuk melestarikan kedua-dua objek dan butiran Warisan Kebangsaan tersebut.

Rakaman penuh siri webinar ini kini boleh ditonton melalui laman *Facebook* rasmi Jabatan Warisan Negara.

Disemak oleh:

(EYO LENG YAN)

Pengarah

Bahagian Warisan Tidak Ketara

# MENELUSURI JAWI PADA BATU BERSURAT TERENGGANU (MEMORY OF THE WORLD INTERNATIONAL REGISTER UNESCO)

## SINOPSIS

Batu Bersurat Terengganu telah menerima pengiktirafan di bawah kategori *Memory of the World International Register* oleh pihak *The United Educational, Scientific and Culture Organization* (UNESCO) pada 31 Julai 2009. Ia merupakan salah satu program di bawah UNESCO bagi memastikan khazanah warisan berbentuk dokumentasi yang mempunyai kepentingan dari seluruh dunia terus terpelihara untuk diwarisi kepada generasi akan datang. Kepentingan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 4 Rejab 702 Hijrah atau 22 Februari 1303 Masihi adalah dari segi sejarahnya kerana ia merupakan bukti terawal kewujudan tulisan Jawi dalam dunia Melayu di Asia Tenggara. Batu Bersurat Terengganu ini merupakan batu bersurat yang mempunyai ukiran paling tua dan tulisan Jawi pertama ditemui di Malaysia. Lantaran itu, Batu Bersurat telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan pada 15 Julai 2010 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Manakala tulisan Jawi juga telah diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2009 di bawah akta yang sama. Bagi menelusuri tulisan Jawi pada Batu Bersurat Terengganu maka webinar ini akan membincangkan dan merungkaikan kepentingan serta langkah untuk melestarikan khazanah bangsa ini setelah mendapat pengiktirafan sebagai Warisan Kebangsaan.

17 OGOS 2021  
SELASA 2.30 petang


SECARA DALAM TALIAN

☎ 03-26127200

🌐 www.heritage.gov.my



**MODERATOR**  
ENCIK SHUKRI BIN  
MOHD ISA  
(PENGARAH JABATAN  
WARISAN NEGARA  
ZON TIMUR)



**PANEL**  
PROF. EMERITUS  
DR. AHMAT ADAM  
(PAKAR DAN TOKOH  
AKADEMIK BIDANG  
SEJARAH)



**PANEL**  
ENCIK MOHD.  
SYAHRIN BIN  
ABDULLAH  
(PENGARAH BAHAGIAN  
WARISAN DUNIA,  
JABATAN WARISAN NEGARA)



, 'share', 'comment' dan 'subscribe' serta aktifkan butang notifikasi di semua pl



**PROF. EMERITUS DR. AHMAT ADAM**  
**PAKAR SEJARAH**



aktifkan butang notifikasi di semua platform media sosial Jabatan Warisan Neg

9:59 / 14:53:36





**MOHD SYHRIN BIN ABDULLAH**  
**PENGAH BAHAGIAN WARISAN DUNIA**  
**JABATAN WARISAN NEGARA**



nua platform media sosial Jabatan Wari Negara | untuk sebarang maklumat c

1:09:32 / 1:49:36

1:09:12

